

Menjelang keputusan mahkamah, Anwar tampil yakin reformasi Berjaya
Free Malaysia Today
Dec 14, 2016

Anwar berkata beliau kekal yakin kekuatan pembangkang selepas penyertaan Dr Mahathir.

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau yakin dengan pergerakan reformasi yang dicituskannya 17 tahun lalu, menjelang keputusan Mahkamah Persekutuan hari ini yang dilihat peluang terakhir baginya bebas mengikut saluran undang-undang.

“Gerakan reformasi tercetus dengan impian politik pelbagai kaum berpaksikan prinsip pembaharuan, inklusif dan keadilan.

“Kini, gerakan itu berkembang menjadi sebuah pembangkang yang kuat dan utuh,” kata Anwar menulis dalam akhbar Britain, The Guardian.

Panel hakim Mahkamah Persekutuan hari ini akan membuat keputusan semakan kehakiman Anwar yang mencabar sabitan kesalahan serta hukuman penjara atas kesalahan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Anwar kini masuk bulan ke-22 menjalankan penjara 5 tahun selepas Mahkamah Persekutuan pada Februari 2015 mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan pada Mac 2014.

Oktober lepas, 5 hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin menengguhkan penghakiman setelah mendengar hujah peguam Anwar, Datuk Seri Gopal Sri Ram dan Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara Datuk Ahmad Kamal Md Shahid, yang mengetuai pasukan pendakwaan.

Anwar berkata keyakinannya bertambah dengan penyertaan bekas seteru politiknya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Saya kekal optimis untuk negara kita dan untuk kejayaan rakyat kita, kerana gabungan pembangkang pada masa ini turut disertai bekas perdana menteri Mahathir Mohamad, dan menyaksikan ramai sekutunya mula meninggalkan Umno,” kata Anwar.

Semalam, parti dipengerusikan Dr Mahathir, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) secara rasmi menjalinkan kerjasama dengan Pakatan Harapan.

Antaranya, kedua-dua pihak bersetuju berbincang bagi memastikan 1 lawan 1 melawan Barisan Nasional, dan menggunakan satu logo dan manifesto bersama pada pilihan raya umum akan datang.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/14/menjelang-keputusan-mahkamah-anwar-tampil-yakin-reformasi-berjaya/>